

buletin



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PERPUSTAKAAN

<http://library.utem.edu.my>

ISSN 2180 - 4095

Bil.2/2013



Perkhidmatan Baru: Ipad

Tempahan Ruang

Kelas Pengkatalogan untuk  
Bahagian Perolehan

## FOKUS : MINGGU HALUAN SISWA



## Dari Meja Ketua Pustakawan

Assalamualikum wrt. Wbt. dan Salam Sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinan-NYA memberi kesempatan kepada sidang redaksi Buletin Perpustakaan UTeM merealisasikan penerbitan ini. Sesungguhnya untuk mengekalkan penerbitan berkala seperti ini merupakan cabaran besar kepada sidang redaksi. Tanpa sokongan dari semua pihak, maka adalah sukar untuk melaksanakan tugas dengan sempurna. Ucapan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada sidang redaksi di atas segala usaha dalam menerbitkan Buletin Perpustakaan UTeM ini.

Perpustakaan merupakan pusat informasi dan pengetahuan yang menyokong program pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan universiti. Bagi mengukuhkan fungsi dan kompetensi Perpustakaan, pelbagai usaha dijalankan untuk memberikan perkhidmatan dan kemudahan terbaik kepada pengguna.

Justeru itu, dalam merealisasikan fungsi Perpustakaan sebagai pusat penyediaan dan penyampaian maklumat yang benar serta mewujudkan hubungan baik dengan umum bagi membantu melahirkan warga yang berilmu dan berkemampuan tinggi dalam sesebuah organisasi, penerbitan buletin dilihat sebagai langkah pendokumentasian dalam penyampaian maklumat yang berkesan.

Akhir kata, saya berharap agar sudi-sudikanlah untuk membuka ruang tengah buletin ini dan melihat seribu cerita mengikut tafsiran mata yang melihat.

Sekian, terima kasih.

*Penasihat*  
-HJH. FARIDAH HJ. MD.AMIN  
KETUA PUSTAKAWAN

## Dari Meja Editor

Assalamualaikum wrt. wbt. dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-NYA Buletin Perpustakaan UTeM dapat direalisasikan untuk sekian kalinya.

Perpustakaan UTeM sentiasa bergerak maju dan menjalankan pelbagai aktiviti dalam memenuhi visi, misi dan objektif Perpustakaan. Dengan penerbitan Buletin Perpustakaan UTeM ini, warga Perpustakaan mengharapkan ianya menjadi wadah penyalur maklumat di samping berkongsi aktiviti-aktiviti dikalangan warga universiti. Tidak ketinggalan juga sebagai pemangkin kepada mempromosikan aktiviti-aktiviti ilmiah dan wacana ilmu yang berjaya dilaksanakan.

Akhir kalam, setinggi-tinggi penghargaan buat Ketua Pustakawan, Sidang Redaksi dan semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buletin kali ini.

Tahniah dan Syabas

- MOHD MAWARDI BADRUDDIN

## Isi Kandungan

<i>Ruang Kreatif</i>	3
<i>Minggu Haluan Siswa</i>	4 & 5
<i>Sorotan Peristiwa</i>	6 & 7
<i>Bahan KWP</i>	8
<i>Kelas Pengkatalogan untuk Unit Perolehan</i>	9
<i>Blue Ocean Kolofium Anugerah Perkhidmatan Cemerlang</i>	10
<i>Stock Take Staf Terbaik Kaunter</i>	11
<i>Staf Melahirkan Program Santai Listac</i>	12

## Sidang Redaksi

**Penasihat**  
Puan Hjh Faridah Hj. Md. Amin

**Editor**  
Mohd Mawardi Badruddin

**Setiausaha**  
Siti Syahirah Ab Rahim

**Pengarang**  
Hasliza Mohamed  
Noraini Mohd Noor  
Harulrizam Ghazali@Mohamed  
Mez Zelina Yusof

**Grafik & Reka Bentuk**  
Mohd Razif Dzulkifli  
Mohd Siddiq Azizi Jais  
Mohd Syahrizal Mohd Razali

**Jurufoto**  
M Jefridzain Jaa'far

**Pembaca Pruf**  
Mahadir Che Ali



## 10 Rahsia Kepimpinan Yang Berjaya

[ Eleanor Roosevelt pernah berkata, seorang pemimpin yang baik akan memberi inspirasi kepada pengikutnya dan menimbulkan keyakinan terhadap pemimpin tersebut tetapi untuk menjadi seorang pemimpin yang baik bukanlah mudah. Beberapa rahsia kepimpinan yang berjaya adalah seperti berikut: ]

### Yakin Pada Diri Sendiri

Keyakinan merupakan kualiti terpenting yang perlu ada pada diri seseorang pemimpin. Perkataan yakin berasal daripada perkataan Latin 'confidere' yang bermaksud kepercayaan penuh atau kebergantungan terhadap sesuatu. Untuk menjadi seorang yang berkeyakinan, anda perlu mempunyai kepercayaan penuh terhadap diri sendiri. Jika anda tidak mempercayai diri sendiri bagaimana anda akan mendapat kepercayaan daripada orang lain? Ingat, keyakinan boleh mengembangkan potensi diri. Jika anda seorang pemimpin, orang lain di sekeliling anda akan sentiasa mempercayai anda.

### Mendengar

Menjadi pemimpin tidak semestinya berada di kedudukan yang tinggi. Seorang pemimpin juga tidak semestinya lebih baik daripada ahli pasukannya yang lain. Ia juga bermakna idea anda juga tidak sentiasa sempurna. Anda perlu mendengar segala cadangan daripada ahli pasukan anda dan mereka mungkin mempunyai idea yang secara drastik boleh meningkatkan kecekapan perancangan anda.

### Kawalan dan agihan

Kawalan bukanlah paksaan. Kawalan bermaksud anda perlu memastikan setiap individu memainkan peranan yang telah ditetapkan kepada mereka. Selagi pasukan anda mempunyai keyakinan terhadap anda, mereka akan menghormati keputusan anda. Jika anda meminta mereka melakukan sesuatu, mereka akan melakukannya kerana yakin anda semakin hampir kepada kejayaan.

### Fokus

Ingatlah anda peranan seorang pemimpin? Dalam mencapai sesuatu tujuan, anda tidak hanya fokus kepada diri sendiri sebaliknya menggembeng tenaga pasukan anda dan fokus terhadap apa yang ingin dicapai. Jika ada di antara ahli pasukan anda mula hilang arah tujuan, adalah menjadi tanggungjawab anda sebagai pemimpin untuk memandunya kembali ke jalan yang asal.

### Membuat Keputusan

Membuat keputusan sangat penting terutamanya bila anda berdepan dengan kekangan masa. Walaupun anda tidak begitu sempurna berbanding rakan-rakan dalam pasukan, anda harus tahu bila untuk memilih sesuatu idea dan melaksanakannya. Anda tidak boleh membuat keputusan yang salah selagi apa yang anda fikirkan betul pada ketika itu. Yakin pada diri sendiri dan keputusan yang dibuat.

### Belajar Secara Menyeluruh

Belajar tidak bermaksud belajar daripada pasukan anda dan mendengar idea-idea mereka sebaliknya ia juga bermaksud anda cuba mendidik pasukan anda dengan suatu proses baru. Ini akan membuatkan seluruh tenaga kerja secara konsisten akan menjadi lebih berguna dan cekap.

### Bertanggungjawab

Jika anda membuat sesuatu keputusan yang salah, anda harus bertanggungjawab terhadapnya. Mungkin orang akan menyalahkan anda dan menuduh anda membuat keputusan yang buruk, tetapi anda sebagai pemimpin telah memikirkan yang terbaik. Jadi terima apa jua keputusan dan belajar daripada kesilapan dan teruskan peranan anda sebagai pemimpin.

### Optimis

Positif atau negatif kadangkala boleh berjangkit dalam pasukan. Anda mungkin mempunyai seseorang di dalam pasukan yang memiliki tabiat negatif. Secara tidak langsung ini membuatkan mereka di dalam pasukan menjadi pesimis. Di samping sikap negatif, masukkan di dalam fikiran mereka pemikiran positif dan yang negatif akan beransur-ansur hilang. Faktanya sikap negatif akan sentiasa menghantui jika anda berfikir negatif. Ini adalah kerana ahli pasukan anda tidak akan meletakkan kepercayaan terhadap anda jika anda merupakan orang yang negatif.

### Kental Terhadap Tekanan

Kepimpinan datang dengan banyak andaian. Setiap orang mempunyai idea tersendiri dari segi kualiti yang sepatutnya dimiliki oleh seorang pemimpin. Ini bermakna anda mungkin berasa tertekan dengan jangkaan tersebut. Oleh itu jika anda tidak bersedia dengan jangkaan mereka terhadap anda, anda perlu mengetahui bila jangkaan mereka itu tidak berasas. Ini kerana mereka tidak dapat membuat sesuatu yang lebih baik melainkan mereka menjadi pemimpin.

### Penyesuaian

Seseorang pemimpin perlu mempunyai perwatakan yang baik dan sesuai dalam apa jua keadaan. Ia bermaksud mereka mempunyai personaliti yang jitu iaitu apa yang terpancar pada perwatakannya sebenarnya merupakan gambaran dalaman diri pemimpin tersebut. Pemimpin perlu membuat penyesuaian dengan ahli pasukannya di mana jika tidak membuat penyesuaian mereka tidak akan dipercayai kerana mereka sebenarnya berpura-pura menjadi sebahagian daripada mereka.

## [Kesimpulan]

Jika anda tidak pernah menjadi seorang pemimpin, dan anda membuat keputusan bersedia ke arahnya, fahamilah bahawa sesiapa juga boleh menjadi pemimpin. Dan jika anda tidak mempunyai kualiti yang dinyatakan di atas, anda boleh mencapainya melalui masa dan usaha berterusan. Lihat kepada pemimpin-pemimpin besar yang ada hari ini. Mereka tidak dilahirkan sebagai pemimpin sebaliknya semua itu boleh dipelajari. Satu-satunya alat yang diperlukan ialah kesediaan untuk belajar dan mempercayai diri sendiri.



# MINGGU HALUAN SISWA

**M**inggu Haluan Siswa (MHS) diadakan bertujuan untuk membuka minda pelajar baharu bagi memberi hala tuju mahasiswa dan mahasiswi serta menjana ke arah modal insan berketrampilan serta mempunyai jati diri tinggi. MHS adalah acara wajib yang diadakan setiap tahun sebagai 'tapak permulaan' bagi siswa dan siswi baharu yang melanjutkan pelajaran di setiap universiti dalam usaha membentuk jati diri yang unggul.

lanya juga memberi pendedahan serta maklumat kepada para pelajar mengenai proses pengajaran dan pembelajaran yang sistematik. Pelajar didedahkan pelbagai slot kemahiran dan juga pementapan rohani bagi mendidik mereka menjadi lebih berani dan berwawasan. Mereka yang mempunyai peluang ini perlu berwawasan tinggi dalam menempuh alam pembelajaran di peringkat yang lebih cemerlang dan penuh cabaran. Justeru mereka perlu dibimbing supaya lebih bermotivasi dan mampu mengurus masa dengan cekap serta berdaya saing atau kompetif dalam apa jua bidang yang diceburi.

Pada 3 September 2013 telah berlangsung Majlis Perasmian Minggu Haluan Siswa (MHS) UTeM sesi 2013/2014 yang telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM Y. Bhg. Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan di Dewan Besar Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, Melaka. Sempena majlis itu, seramai 2,498 siswazah baharu bagi Ijazah Sarjana Muda telah membaca ikrar aku janji mereka selain pengenalan aktiviti kampus yang disediakan.



Pihak Perpustakaan UTeM telah dijemput pada 4 September 2013 bagi memberikan taklimat dan mengadakan pameran tentang kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan kepada warga UTeM.

Fokus utama pihak Perpustakaan UTeM adalah untuk membantu siswa dan siswi baharu khususnya dan warga UTeM umumnya dalam semua peringkat umur dengan memberikan kesempatan dan dorongan melalui perkhidmatan Perpustakaan agar mereka dapat mendidik dirinya sendiri secara berkesinambungan dalam mencapai kemajuan pada berbagai lapangan ilmu pengetahuan, kehidupan sosial dan politik agar dapat memelihara kemerdekaan berfikir yang konstruktif untuk menjadi pelajar yang lebih baik. Disamping itu juga, dapat mengembangkan kemampuan berfikir kreatif, membina rohani dan boleh menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan seoptimum yang mungkin di dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan mereka di UTeM.



Dengan adanya taklimat dan pameran tersebut dapat memberi peluang kepada warga UTeM khususnya para pelajar baharu untuk mendapatkan maklumat secara terus dari staf Perpustakaan. Matlamat ini bertepatan dengan misi Perpustakaan untuk menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong Visi dan Misi Universiti.

Adalah diharapkan agar kelangsungan Majlis Minggu Haluan Siswa UTeM 2013 ini dapat membangkitkan lagi semangat dalam diri para pelajar seiring dengan pembentukan sahsiah melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi memacu kejayaan dan kecermerlangan akademik pelajar di UTeM.



Perpustakaan UTeM setapak bergerak ke hadapan dengan memperkenalkan perkhidmatan baru iaitu pinjaman iPad. Di Malaysia, tidak banyak perpustakaan yang menyediakan perkhidmatan ini. Oleh yang demikian, Perpustakaan UTeM telah mengambil inisiatif untuk memberikan perkhidmatan ini kepada pelajar UTeM dengan menyediakan 5 buah iPad sedia dipinjam.

## Peraturan pinjaman iPad:

1. Pinjaman dibenarkan kepada pelajar sahaja.
2. Pinjaman adalah secara percuma.
3. Kegunaan adalah di dalam perpustakaan sahaja.
4. Pelajar yang ingin keluar dari perpustakaan mestilah memulangkan iPad terlebih dahulu.
5. Pinjaman boleh dilakukan di Kaunter Media pada waktu pejabat sahaja dengan meninggalkan kad pelajar.
6. Tempoh pinjaman bermula dari jam 8.00 pagi. Waktu pemulangan akhir pada jam 4.00 petang.
7. Pelajar adalah bertanggungjawab di atas kerosakan/kehilangan iPad.
8. Pelajar dilarang membuat apa-apa perubahan pada menu, program dan lain-lain perisian yang terdapat pada iPad.
9. Pelajar tidak dibenarkan membuat sebarang instalasi baru pada iPad.
10. Peraturan ini boleh berubah dari masa ke semasa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.



## Kadar dendaan lewat pemulangan:

1. Pelajar yang didapati membawa keluar iPad akan ditamatkan tempoh pinjaman serta merta dan tidak akan dibenarkan untuk membuat pinjaman seterusnya.
2. Kelewatan pemulangan akan digantung kelayakan peminjaman iPad selama satu semester.
3. Pelajar perlu melaporkan dengan segera kehilangan/kerosakan iPad kepada pegawai bertugas di Kaunter Media. Pelajar akan diberi tempoh dua (2) jam untuk mencari iPad yang hilang. Manakala bagi kerosakan iPad, pelajar tidak diberi masa untuk memperbaikinya.
4. Setelah tempoh tersebut tamat dan pelajar gagal mencari iPad tersebut, pelajar hendaklah menggantikan tersebut dengan dua kaedah iaitu;
  - i) Menggantikan dengan model terkini, atau
  - ii) Membayar kos sebenar pembelian Ipad tersebut, Dan kos-kos aksesori dan lain-lain yang difikirkan perlu.
5. Bagi kerosakan iPad, pelajar juga hendaklah menggantikan Ipad tersebut dengan dua kaedah iaitu;
  - i) Menggantikan dengan model terkini, atau
  - ii) Membayar kos sebenar pembelian Ipad tersebut, Dan kos-kos aksesori dan lain-lain yang difikirkan perlu.
6. Instalasi baru yang dilakukan oleh peminjam akan dipadamkan sebaik iPad tersebut dipulangkan.

## IPADS LOAN AT LIBRARY









Program Pemeriksaan Kesihatan  
12 September 2013



Lawatan Luar (USM)  
19 Jun 2013



Senam Robik Perpustakaan  
23 September 2013

# TEMPAHAN RUANG

## TEMPAHAN BILIK



Sistem Super Saas adalah sebuah sistem yang digunakan untuk tempahan ruang/bilik di Perpustakaan UTeM. Objektif utama sistem ini adalah untuk memudahkan staf/pelajar membuat tempahan bilik/ruang bagi proses Pengajaran, Pembelajaran dan Penyelidikan.

Bilik/ruang yang boleh ditempah adalah;

- Bilik Seminar 1
- Bilik Seminar 2
- Bilik Tayangan
- Bilik Pangkalan Data
- Bilik Pasca Siswazah
- Ruang Tayang

#Untuk tempahan, sila layari laman web Perpustakaan UTeM di <http://library.utem.edu.my/>

Terhad kepada  
45 akaun sahaja

Terbuka kepada staf  
dan pelajar UTeM

Tempahan boleh  
dilakukan  
bila-bila masa  
dan dimana-mana

Sistem yang mudah  
dan cepat

\*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Puan Nurul Akmar Mehat di talian 063316804 dan Encik Mohd Mawardi Badruddin di talian 063316832.



## Cara-cara Penempahan Ruang/Bilik

1



2



3



4



5

## KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Bermula tahun 2012, CRIM (Centre For Research And Innovation Management) telah bersetuju supaya Perpustakaan UTeM dipertanggungjawabkan untuk memproses semua buku yang digunakan oleh pensyarah dalam aktiviti penyelidikan Universiti. Perpustakaan turut berperanan dalam memproses pembelian buku baru Kumpulan Wang Penyelidikan (KWP) atau memproses bahan KWP yang dibeli sendiri oleh pensyarah. Setiap pensyarah perlu mengisi semua maklumat di Borang Permohonan Buku (Geran Penyelidikan) UTeM/CRIM/RND/017 sebelum diserahkan kepada Perpustakaan.


Untuk membuat tuntutan pembelian buku, pensyarah dimestikan untuk menyerahkan buku dan Borang Permohonan Buku (Geran Penyelidikan) yang lengkap kepada Unit Buku, Bahagian Perolehan, Perpustakaan untuk direkodkan di dalam Sistem ILMU. Selepas itu, buku tersebut akan diberikan nombor panggilan di Bahagian Pengindeksan. Akhir sekali, buku tersebut akan diserahkan ke Bahagian Sirkulasi untuk dikembalikan semula kepada pensyarah berkenaan. Buku tersebut adalah layak dipinjam oleh pensyarah berkenaan sepanjang tempoh penyelidikan beliau sehingga penyelidikan tersebut tamat.

Objektif utama bahan ini diproses melalui Perpustakaan UTeM adalah untuk:

- Merekod dan mengumpul maklumat bahan KWP yang mempunyai nilai tinggi dalam menyokong aktiviti penyelidikan Universiti.
- Mendapatkan nombor panggilan bagi setiap bahan KWP yang dibeli bagi kemudahan pinjaman dan rujukan.
- Mewujudkan rekod peminjaman bagi mengenalpasti status keberadaan bahan.

Perpustakaan turut berfungsi menguruskan proses peminjaman dan pemulangan buku sepanjang tempoh projek penyelidikan dan selepas projek penyelidikan tamat. Semua buku KWP adalah hak milik Universiti dan tertakluk kepada peraturan Perpustakaan Universiti. Sehingga 2013, Perpustakaan UTeM telah merekodkan sejumlah 94 judul/ 94 naskah bahan KWP daripada 39 orang pensyarah

### CARTA ALIR PROSES PEMBELIAN BAHAN KWP



## KELAS PENGKATALOGAN UNTUK BAHAGIAN PEROLEHAN



Taklimat Pengkatalogan kepada Bahagian Perolehan telah diadakan pada 11 April 2013, sesi taklimat bermula dari jam 10.30 pagi hingga 12.45 tengah hari bertempat di Bilik Pangkalan Data. Ianya telah dihadiri oleh 12 orang staf Bahagian Perolehan daripada Unit Perolehan Buku, Unit Jurnal dan Unit Hadiah & Pertukaran, termasuklah staf yang terlibat dengan pertukaran di antara ketiga-tiga unit berkenaan.

Matlamat utama taklimat ini diadakan adalah untuk memberikan latihan terutamanya kepada staf baru agar mereka dapat menguasai asas pengkatalogan. Bagi staf lama pula, ianya bertujuan untuk berkongsi maklumat baru dan juga sebagai refreshment pengetahuan sedia ada di samping mengubah persepsi staf terhadap kerja. Selain itu, diharapkan taklimat ini dapat memantapkan kefahaman staf dalam proses pengkatalogan serta memastikan segala permasalahan kerja dapat diselesaikan dan diatasi oleh unit-unit yang terlibat.



Perkara penting yang ditekankan dan diberikan perhatian dalam latihan ini ialah dari segi penggunaan tag-tag di dalam proses penyediaan bibliographic organization (BO), peraturan pengkatalogan serta dasar yang digubal oleh unit sendiri. Sewaktu taklimat berjalan, staf juga diberi peluang untuk bersoal jawab terhadap kemusykilan yang berkaitan dengan aktiviti pengkatalogan. Diharapkan staf yang terlibat dengan latihan ini akan dapat menguasai ilmu yang disampaikan dan menjalankan tugas di tempat baru dengan lebih efisien.

Taklimat pengkatalogan ini disampaikan oleh Puan Noraini Mohd Noor, Encik Mohamad Rashid Jantan dan Encik Ahmad Abu Bakar daripada Bahagian Pengindeksan.

## BENGKEL BLUE OCEAN

## STRATEGIK PERPUSTAKAAN

Pada 19 hingga 20 Jun 2013, bertempat di Bilik Seminar 1, aras 3, Perpustakaan Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah diadakan Bengkel Blue Ocean Perpustakaan di mana penceramahnya adalah Encik Mohd Nasir bin Hj. Md Rashid iaitu Timbalan Ketua Pustakawan dari Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Bengkel ini telah dihadiri seramai 24 orang staf yang terdiri dari Pustakawan Kanan, Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan. Objektif Bengkel Blue Ocean Strategik Perpustakaan diadakan adalah :

1. Untuk memberi pengetahuan kepada Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan bagaimana mengaplikasikan Blue Ocean Strategy dalam pengurusan Perpustakaan.
2. Mengenalpasti prinsip-prinsip yang terdapat di dalam Blue Ocean Strategy untuk disesuaikan dengan dunia Perpustakaan dan Kepustakawanan.

Manakala modul yang dikongsi oleh penceramah bersama peserta adalah :

1. Pengenalan kepada Blue Ocean Strategy.
2. Prinsip-prinsip dalam Blue Ocean Strategy .
3. Mengelola pemikiran di luar kebiasaan dengan mengaplikasikan cara-cara yang kreatif dan inovatif, tetapi dalam masa yang sama dengan kos yang minima .



## KOLOKSIUM PEJABAT PERPUSTAKAAN

Pejabat Perpustakaan telah melaksanakan sesi kolokium buat kali kedua pada 15 Julai 2013 bertempat di Bilik Tayangan, aras 2, Perpustakaan Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Sesi kali kedua ini adalah kesinambungan dari sesi pertama yang telah diadakan pada 21 Januari 2013. Seramai 38 orang staf yang terlibat terdiri dari Pustakawan Kanan, Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan. Objektif pelaksanaan aktiviti ini adalah bagi berkongsi maklumat dan pengetahuan dari kursus/bengkel/seminar yang telah dihadiri oleh staf Perpustakaan samada anjuran dalam dan luar UTeM. Di akhir sesi, Ketua Pustakawan telah merumuskan setiap pembentangan staf dengan menfokuskan pengetahuan dan kemahiran yang dapat memberi impak yang positif kepada Perpustakaan UTeM.

## Senarai pembentangan :

TAJUK	NAMA
Seminar on New Media & Information Literacy Catalyst For Life Long Learning	i. En. Arman b. Mohammad ii. Cik Norshahila bt. Che Din
Blue Ocean Strategik Perpustakaan	i. En. Mohd Razif b. Dzulkipri ii. Pn. Mez Zelina bt. Yusof
Konvensyen Perpustakaan 2013	i. Pn. Wazana bt. Abdul Jalil ii. Pn. Noraini bt. Mohd Noor
Young Executive Management	i. En. Azman b. Hj. Ayup ii. Pn. Siti Saluwa bt. Jamal iii. En. Arman b. Mohammad

## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013



## Senarai Penerima Anugerah :

1. Mohd Syehrizal B. Mohd Razali
2. M. Azan Binti Ab. Karim
3. Mohd Shahr B. Akashah
4. Suzana Binti Lazim
5. Muhammed Rashid B. Mat Derus
6. Norhaidil B. Khalid



## STOCK TAKE



Perpustakaan UTeM telah melaksanakan proses 'stock take' atau semakan stok 2013 ini bermula dari 17 Jun hingga 17 Julai 2013. Proses ini melibatkan bahan Perpustakaan Kampus Induk dan Kampus Industri sahaja. Pelaksanaan ini bagi mengetahui status sebenar bahan yang dipunyai oleh Perpustakaan (kerusakan, kehilangan, proses akhir) supaya langkah-langkah selanjutnya yang boleh diambil sekiranya perlu.

### TUJUAN

Projek ini diadakan bertujuan bagi :-

- Mengetahui jumlah koleksi bahan Perpustakaan Kampus Induk dan Industri.
- Memastikan katalog Perpustakaan (Web OPAC) menunjukkan 'holdings' rekod Perpustakaan yang tepat dan status bahan.
- Semakan wajib 'stock take' setiap 3 tahun sekali bagi Perpustakaan UTeM

### SKOP

Projek pengambilan stok / semakan stok 2013 ini bermula dari 17 Jun hingga 17 Julai 2013 (23 hari bekerja).

Kaedah melalui semakan di rak menggunakan tag reader dan semakan senarai secara manual. 2 peringkat semakan dijalankan iaitu menggunakan kaedah 'cross staf check' ke atas bahan-bahan yang gagal dijumpai pada peringkat pertama semakan.

Projek meliputi koleksi Perpustakaan Kampus Induk dan Industri sahaja.

Tenaga kerja seramai 4 orang Pembantu Perpustakaan Kanan dan 10 orang

Pembantu Perpustakaan dari Perpustakaan Kampus Induk dan Industri terlibat dengan projek ini.

### KEPUTUSAN







Jumlah keseluruhan bahan Perpustakaan Kampus Industri UTeM sehingga Mei 2013 ialah 72,571 naskhah iaitu Kampus induk sebanyak 65,016 bahan dan kampus industri sebanyak 7,555 bahan. Hanya 1.5% dari keseluruhan bahan gagal dikesan dan selebihnya berstatus berjaya dikesan.

## Staff Cemerlang Bahagian Sirkulasi

### Excellent Services Award staff

<b>FEBRUARI</b> 	<b>MEI</b> 
<b>MAR</b> 	<b>JUN</b> 
<b>APRIL</b> 	

### Best Employee Award staff

<b>FEBRUARI</b> 	<b>MEI</b> 
<b>MAR</b> 	<b>JUN</b> 
<b>APRIL</b> 	<b>JULAI</b> 



او نور سينه تكيكك ملهسا ملاك  
 Pn.Mi Azian Bt Ab Karim & pasangannya Mohd Razali Bin Ramli yang telah menyambut kelahiran cahaya mata perempuan bernama Aisyah Nur Najiba Bt Mohd Razali pada 24.6.2013.

Pn.Nurul Akmar Bt Mehat & pasangannya Mohd Razef Bin Ghazali yang telah menyambut kelahiran cahaya mata perempuan bernama Putri Elviana Bt Mohd Razef pada 27.6.2013.



Pn.Nor Aini Md Jali & pasangannya Mohd Shahron Bin Mat Desa yang telah menyambut kelahiran cahaya mata lelaki bernama Adam Naufal Bin Mohd Shahron pada 27.8.2013.

Mohd Syahrizal Bin Mohd Razali & pasangannya Nur Hafizah Bt Abd.Hamid yang telah menyambut kelahiran cahaya mata perempuan bernama Athirah Syairah Bt Mohd Syahrizal pada 19.7.2013.



Mohd Mawardi Bin Badruddin & pasangannya Siti Muhaini Bt Shaari yang telah menyambut kelahiran cahaya mata perempuan bernama Nur Dhiya Alisha pada 7.3.2013.